

09/11/1998

Asean bukan AS stabilkan rantau

Nadzim Ahmad Jamalludin

JOHOR BAHRU, Ahad - Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kestabilan rantau Asean boleh ditentukan sendiri oleh negara anggotanya melalui kekuatan dan muafakat dan bukannya melalui kehadiran Amerika Syarikat.

Selain itu, katanya, kestabilan rantau ini juga ditentukan melalui persefahaman negara anggota Asean yang tidak mencampuri isu yang berlaku di kalangan negara anggota.

"Kalau negara Asean boleh berbaik-baik, bermuafakat dan saling memahami serta menghormati rakan negara anggota Asean dan tidak campur tangan dalam hal-hal yang berkaitan dengan isu-isu dalam negeri negara Asean, maka saya percaya kekuatan dan muafakat Asean akan menjamin kestabilan rantau ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Buletin Tunas Budiman terbitan Biro Pendidikan Umno Bahagian Johor Bahru di sini, pagi tadi.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Umno Bahagian Johor Bahru, Datuk Shahrir Abdul Samad.

Laporan AFP semalam memetik Setiausaha Pertahanan Filipina, Orlando Mercado, sebagai berkata, kehadiran Amerika Syarikat diperlukan bagi menjamin `kestabilan' di rantau Asean.

Beliau membuat gesaan itu sambil merujuk kepada kehadiran anggota tentera dan kapal kargo China yang dikatakan menjalankan kerja-kerja binaan di kawasan yang dikenali sebagai Terumbu Mischief atau Terumbu Meiji.

China bagaimanapun, menafikan dakwaan Filipina bahawa Beijing semakin mengukuhkan kedudukannya di sebuah kawasan terumbu karang yang menjadi rebutan di Laut China Selatan.

Terumbu Mischief atau Terumbu Meiji adalah sebahagian daripada Kepulauan Spratly yang turut dituntut sepenuhnya atau sebahagiannya oleh Malaysia, Vietnam, China, Filipina, Taiwan dan Brunei.

Dipercayai kaya dengan sumber minyak dan gas, Kepulauan Spratly merangkumi 190 pulau, terumbu, pulau kecil dan tebing pasir yang bertaburan di kawasan seluas 390,000 kilometer persegi di Laut China Selatan.

Mengulas lebih lanjut kenyataan Mercado, Abdullah berkata, negara anggota Asean bebas untuk mengadakan hubungan dengan mana-mana negara.

"Itu dia (Filipina) punya pendirian...dan hubungan dia (Filipina) dengan Amerika (Syarikat) pun adalah hubungan yang kita tahu adalah hubungan yang erat.

"Tapi yang penting ialah dalam hal yang berkaitan dengan keselamatan dan kestabilan rantau ini, kerjasama dan muafakat antara negara Asean adalah amat penting.

"Usaha aman yang dicapai dalam Forum Serantau Asean (ARF) adalah satu persefahaman yang penting, malah kita semua (negara anggota Asean) sudah bersama-sama bermuafakat bahawa dalam isu yang berkaitan dengan Spratly, negara anggota Asean tidak membuat sesuatu bertindak dengan cara yang boleh menegangkan situasi dan tidak menggunakan pendekatan ketenteraan untuk menyelesaikan masalah.

"Bahkan yang diutamakan ialah perbincangan. Itulah merupakan prinsip-prinsip yang telah menjadi pegangan kuat negara anggota Asean dan dengan negara sahabat di rantau ini," katanya.

Mengulas laporan Agensi yang mengatakan pemimpin Filipina, Presiden Joseph Estrada, akan membincangkan isu Kepulauan Spratly dengan pemimpin China, Presiden Jiang Zemin, ketika menghadiri sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur, minggu depan, Abdullah berkata;

"Itu terserahlah kepada dia (Estrada). Kalau dia (Estrada) ada apa-apa masalah yang ada hubung kait dengan China mengenai hubungan dua hala, itu terserahlah kepada mereka.

"Tentu sekali mereka hendak mencari kesempatan kehadiran delegasi China itu," katanya.

Mengenai kata sepakat yang dicapai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan rakan sejawatannya, Goh Chok Tong, Abdullah berkata, beliau percaya hubungan antara Malaysia dan Singapura yang sebelum ini berada pada tahap yang begitu rendah dapat dipulihkan balik dan ditingkatkan.

Dalam pertemuan antara kedua-dua pemimpin itu Khamis lalu, Malaysia dan Singapura mencapai kata sepakat untuk sama-sama berusaha ke arah memperbaiki hubungan dua hala serta mengetepikan apa jua perselisihan antara kedua-dua negara.

Pertemuan yang diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) juga menghasilkan keputusan memberangsangkan termasuk dalam membantu krisis ekonomi negara dan menyelesaikan masalah bekalan air di Singapura.

(END)